

Kami Prihatin 4.0, Ramadhan 2021

Disediakan oleh : Sharaf Ahmad & Noorezal Atfyinna Mohd Napiah

Program yang berdasarkan keprihatinan warga UiTM kepada kesukaran yang dilalui oleh sebahagian penduduk Islam di Pulau Pinang tatkala menyambut Ramadan dan Syawal masih diteruskan pada tahun ini. Program ini telah diadakan pada 24 April 2021 bersamaan 12 Ramadhan 1442 H (Sabtu). Sebagaimana tahun-tahun sebelumnya Bahagian PJIM&A selaku penganjur, kali ini telah kerjasama dengan Unit PPT, YAPEIM, Worldbay Solution Sdn. Bhd, Pak Mat Western dan Jabatan Sains Gunaan UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP). Sejumlah hampir RM40,000 telah berjaya dikumpul dalam bentuk wang tunai dan barang keperluan harian bagi menjayakan program ini.



Seramai lebih 350 orang penerima sumbangan yang terdiri daripada golongan asnaf terpilih, majoritinya merupakan pekerja pembersihan di UiTM CPP. Ibu-ibu tunggal, atau ketua keluarga yang tidak dapat bekerja akibat faktor kesihatan serta para pelajar dari keluarga B40 juga adalah antara penerima sumbangan. Barang keperluan seperti beras, minyak masak, tepung, gula, serta barangan kering yang lain telah diserahkan kepada penerima. Pihak penganjur turut menziarahi rumah beberapa orang asnaf untuk melakukan serahan barang keperluan disamping menghulurkan sumbangan wang tunai kepada sesetengah keluarga yang memerlukan.

Antara barangan keperluan yang telah diberikan kepada penerima.



Diharapkan Program Prihatin 4.0 ini dapat diteruskan kerana ia mendokong hasrat UiTM Prihatin untuk terus ke hadapan dalam memberi impak kepada universiti, pelajar, masyarakat dan negara selaras dan sejajar dengan tema Malaysia Prihatin. Ia juga memberi sinar harapan dan kebahagiaan kepada penerima bagi menyambut Aidilfitri. Syabas JSG.